

BOLEHKAH BERI'TIKAF DI TEMPAT SELAIN MASJID

PENGENALAN

Dari segi bahasa i'tikaf bermakna¹ duduk dan melazimi sesuatu ataupun berkekalan dengannya samada baik ataupun buruk.

Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris al-Fathoni menta'rifikannya sebagai² berhenti dan menahani diri dan melazimkan atas suatu jikalau ada ia kejahatan sekalipun.

Manakala menurut istilah dita'rifkan oleh Syeikh Daud sebagai³ berhenti di dalam masjid dengan qasad menghampirkan diri kepada Allah daripada orang Islam yang mumaiyiz lagi berakal lagi suci daripada hadas dan junub, haid dan nifas lagi tiada dia mabuk lagi menahani dia akan dirinya daripada keinginan syahwat faraj serta ingat ia dan tahu akan haramnya.

Diam yang lebih lama dari tempoh toma'ninah solat walaupun di dalam masjid atau rahbah.

Ulama' Mazhab Hanafi⁴ mengatakan i'tikaf adalah duduk di dalam masjid yang dilakukan solat berjemaah, bersama-sama puasa dan niat i'tikaf.

Tempat bagi i'tikaf lelaki adalah di masjid awam sedangkan wanita hendaklah beri'tikaf di rumahnya, iaitu tempat yang dikhususkan untuk solat.

Ulama' Mazhab Maliki⁵ menta'rifkan seorang muslim mumaiyiz melazimi masjid harus bagi setiap manusia dengan berpuasa, menahan diri daripada jimak dan muqaddimahnya, selama satu hari atau lebih dengan tujuan untuk beribadah dengan niat.

¹ وَجَوَزَنَا بِنَيَّ إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ فَأَتَوْا عَلَى قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَى أَصْنَامٍ لَهُمْ - **الأعراف: 138**

² بغية الطالب لمزيد معرفة الأحكام بالصواب ، جزء 2 ، صفحة 131

³ بغية الطالب لمزيد معرفة الأحكام بالصواب، جزء 2 ، صفحة 131

⁴ Fath al-Qadir, jil. 11, hlm 106, al-Durr al-Mukhtar, jil. hlm. 176

⁵ Al-Syarh al-Kabir, jil. 1, hlm. 541, al-Syarh al-Soghir , Jil. 1. hlm. 725

Ulama' Mazhab Hambali⁶ menta'rifkan sebagai melazimi masjid untuk mentaati Allah, dilakukan atas sifat tertentu oleh seorang Muslim yang berakal walaupun seorang mumaiyiz dan dilakukan dalam keadaan bersuci daripada perkara yang wajib dibasuh.

Ungkapan yang digunakan oleh Ulama' Mazhab Syafei⁷ ialah duduk di dalam masjid oleh seseorang yang tertentu dengan niat.

OBJEKTIF / TUJUAN

1. Tujuan kertas kerja ringkas dibuat adalah bagi melihat apakah hukum beritikaf di bangunan selain masjid.
2. Kertas kerja ini mengenangkan pandangan fuqaha' mengenai isu ini menjangkauan berbagai-bagai mazhab.
3. Kertas kerja ini juga memaparkan saranan apakah hukum yang sewajarnya dijadikan ketetapan di Negeri Perak Darul Ridzuan.
4. Kertas kerja ini juga memberikan pencerahan apakah rasional di sebalik pemilihan ketetapan tersebut bagi panduan seluruh Umat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan.

HUKUM IKTIKAF

Disunatkan i'tikaf pada setiap waktu⁸. Sebahagian ulama' mengatakan hukum i'tikaf adalah sunnat muakkad tetapi menjadi fardhu apabila dinazarkan.

I'tikaf dalam Bulan Ramadhan pada 10 malam terakhir adalah paling afdhal kerana nabi saw melaziminya sehingga baginda wafat. Hikmahnya adalah untuk mencari Lailatul Qadar.

DALIL PENSABITAN

1. Firman Allah swt:

وَلَا تُبَشِّرُوهُنَّ وَأَئْمَنْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ - البقرة : 187

⁶ Kasyaf al-Qina', jil. 11, hlm. 404, al-Mughni, jil. 111, hlm. 183

⁷ Al-Mughni al-Muhtaj, jil. 1, hlm. 449

⁸ يَسِنْ اعْتِكَافُ فِي كُلِّ وَقْتٍ - فَتْحُ الْمَعْنَى

[Dan janganlah kalian menggauli mereka (para isteri) ketika kalian sedang beritikaf di masjid] – al-Baqarah :187.

2. Sabda Rasulullah saw dalam Sohih al-Bukhori :

- 2026 حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ: حَدَّثَنَا الْيَثْرَى، عَنْ عُقَيْلٍ، عَنْ ابْنِ شَهَابٍ، عَنْ عُزْرَةَ بْنِ الزَّيْرِ، عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَغْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوْفَاهُ اللَّهُ، ثُمَّ اغْتَكَفَ أَرْبَاعَةَ مِنْ بَعْدِهِ.

Telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Yusuf: telah menceritakan kepada kami oleh al-Laits, daripada Uqail, daripada Ibnu Syihab, daripada Urwah bin az-Zubir, daripada Aisyah radhiyallahu anha, isteri nabi saw : bahawa nabi saw beritikaf pada 10 hari terakhir daripada Ramadhan sehingga diwafatkan oleh Allah, kemudian para isteri-isteri baginda beritikaf selepasnya.

RUKUN-RUKUN I'TIKAF

Rukun i'tikaf itu 4 iaitu :

- a. Orang yang beri'tikaf (**مُغْتَكِفٌ**)
- b. Tempat i'tikaf (**فِيهِ**)
- c. Berhenti (**لِبْثٍ**)
- d. Niat (**النِّيَةُ**)

SYARAT ORANG YANG BERI'TIKAF (**مُغْتَكِفٌ**)

1. Islam – kerana orang kafir bukan ahli niat.
2. Berakal – tidak sah orang gila, pitam dan mabuk.
3. Mumaiyiz – sah kanak-kanak, sahaya dan wanita.
4. Suci daripada hadas besar – tidak sah orang yang junub, haid dan nifas kerana haram mereka berhenti di dalam masjid.

SYARAT TEMPAT I'TIKAF (**فِيهِ**)

1. Hendaklah di dalam masjid kerana nabi, para isteri baginda dan para sahabat tidak beri'tikaf melainkan di dalam masjid walaupun pada serambinya yang digelar sebagai masjid samada jamek atau tidak.
2. Masjid jamek adalah lebih afdhal kerana tidak perlu keluar menunaikan solat Jumaat dan supaya keluar daripada khilaf mereka yang mewajibkannya.
3. Dalam Mazhab Hanafi, dinyatakan seperti berikut :

وأما شرائط صحته فنوعان: نوع يرجع إلى المعتكف، ونوع يرجع إلى المعتكف فيه. أما ما يرجع إلى المعتكف فنها: الإسلام والعقل والطهارة عن الجنابة والحيض والتنفس، وإنها شرط الجواز في نوعي الاعتكاف الواجب والتطوع جميعاً؛ لأن الكافر ليس من أهل العبادة. وكذا الجنون؛ لأن العبادة لا تؤدي إلا بالنية وهو ليس من أهل النية والجنب والخاتض والنفساء ممنوعون عن المسجد وهذه العبادة لا تؤدي إلا في المسجد⁹.

SYARAT BERHENTI (لبث)

1. Disyaratkan berhenti melebihi qadar toma'ninah dalam solat samada tetap kedudukannya ataupun taraddud.
2. Tidak sah jika sekadar lalu seumpama dari pintu ke pintu.
3. Tidak sah berhenti jika hanya sekadar tempoh toma'ninah.

HUKUM TEMPAT IKTIKAF

Asy-Syirazi berkata: Dan tidak sah beri'tikaf bagi orang laki-laki kecuali di masjid. Ayat ini menunjukkan bahawa tidak sah i'tikaf kecuali di masjid dan tidak sah juga dari orang perempuan kecuali di masjid. Ini kerana yang sah i'tikafnya di masjid tidak sah i'tikafnya di tempat yang lain seperti orang laki-laki.

Yang utamanya adalah beri'tikaf di masjid Jame' kerana Rasulullah saw beri'tikaf di masjid Jame'. Ini adalah kerana jumlah jemaah solat padanya lebih banyak dan kerana ini keluar dari perselisihan pendapat, di mana Az-Zuhri berkata: "Tidak diperbolehkan di tempat yang lainnya".

Syeikh Ibnu Ruslan dalam Matan Zubad mengkhususkan masjid sebagai tempat untuk beriktiakaf. Disebutkan seperti berikut :

٩ بداع الصنائع في ترتيب الشريعة، علاء الدين أبو بكر بن مسعود الكاساني الحنفي

سن وإنما يصح إن نوى ... بالمسجد المسلم بعد أن ثوى

I'tikaf itu hukumnya sunnah. Dan hanyasanya sah jika berniat.....bertempat di masjid oleh seorang Islam selepas dia mendiaminya

Imam Nawawi menyatakan dalam Kitab Minhajut Tolibin¹⁰ :

**وإنما يصح الاعتكاف في المسجد والمجامع أولى والجديد أنه لا يصح اعتكاف امرأة في
مسجد بيته وهو المعزول المهيأ للصلة**

Dan hanyasanya i'tikaf itu sah di masjid, dan di masjid jame' lebih utama. Dan menurut Qaul Jadid bahawa tidak sah i'tikaf oleh wanita di masjid rumahnya iaitu tempat yang diasingkan dan disediakan untuk solat

HUJAH / PANDANGAN MAZHAB¹¹

Menurut Mazhab Maliki, masjid yang boleh digunakan untuk ber'i'tikaf adalah masjid yang terbuka untuk umum dan masjid yang biasa digunakan untuk Solat Jumaat. Oleh kerana itu tidak sah hukumnya jika seseorang ber'i'tikaf di masjid rumahnya (musolla), meskipun orang yang ber'i'tikaf itu adalah seorang wanita. Tidak sah pula jika i'tikaf dilakukan di dalam Ka'bah, atau juga di makam seorang wali.

Menurut Mazhab Hanafi, masjid yang boleh digunakan untuk ber'i'tikaf adalah masjid jame', iaitu masjid yang memiliki imam dan muazzin tetap, baik di masjid itu dilaksanakan solat berjemaah lima waktu ataupun tidak. Itu jika orang yang ber'i'tikaf adalah seorang lelaki, namun jika perempuan maka dia boleh ber'i'tikaf di masjid rumahnya yang biasa digunakan untuk pelaksanaan solat sehari-hari, bahkan dimakruhkan baginya untuk ber'i'tikaf di masjid jame', atau di masjid yang tidak digunakannya untuk pelaksanaan solat sehari-hari.

Menurut Mazhab Asy-Syafie, masjid yang digunakan untuk ber'i'tikaf adalah masjid yang diwakafkan. Maka i'tikaf di sana hukumnya sah, baik bagi pria maupun wanita, meskipun masjid tersebut tidak digunakan untuk Solat Jumaat atau tidak untuk masyarakat umum.

منهاج الطالبين : كتاب الإعتكاف ¹⁰

¹¹ Fiqh 4 mazhab, Syaikh Abdul Rahman Al-Jazairi

Menurut Mazhab Hambali, melaksanakan i'tikaf bagi lelaki ataupun wanita boleh dilakukan di masjid mana-mana sahaja, tidak ada syarat apapun untuk masjid tersebut. Namun jika waktu i'tikafnya cukup lama sehingga melewati waktu-waktu solat yang diwajibkan secara berjemaah, maka tidak sah i'tikafnya kecuali dilakukan di masjid yang mengadakan solat secara berjemaah, meskipun jemaahnya hanya diikuti oleh orang-orang yang sedang beri'tikaf sahaja.

ISU YANG TIMBUL

Apakah boleh dilaksanakan i'tikaf di tempat selain daripada masjid dan apakah syarat masjid yang boleh dijadikan sebagai tempat i'tikaf?

1. I'tikaf hanya sah dilakukan di semua masjid. Dan inilah pendapat Malik dan Daud.
2. Ibnu al-Munzir menyebutkan dari Said bin al-Musayyib bahawa dia berkata: Tidak sah i'tikaf kecuali di masjid Nabi saw. Dan menurutku pendapat ini tidak benar darinya. Dia dan yang lainnya menyebutkan dari Huzaifah bin al-Yaman salah seorang sahabat Nabi saw bahawa itu tidak sah, kecuali di 3 masjid, iaitu Masjid al-Haram, Masjid Nabawi dan Masjid al-Aqsa.
3. Az-Zuhri, al-Hakam, dan Hammad berkata: Tidak sah kecuali di masjid jamek.
4. Abu Hanifah, Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur berkata: Sah di semua masjid yang dilakukan solat berjemaah padanya. Mereka berdalil dengan hadis dari Juwaibir dari Ad-Dahhak dari Huzaifah dari Nabi saw bersabda :

Setiap masjid yang memiliki muazzin dan imam maka sah bei'tikaf padanya.

Riwayat Ad-Daruqutni.

Dan dia mengulas : Ad-Dahhak tidak mendengar dari Huzaifah. Aku berkata : Dan Juwaibir dinilai lemah menurut kesepakatan para pakar hadis. Maka hadis ini statusnya adalah mursal dhaif, tidak dapat dijadikan dalil.

Ashab kami berdalil dengan firman Allah:

وَلَا تُبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتَ عَكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ

Dan jangan kamu gauli mereka dan kamu sedang beriktikaf di dalam masjid.

al-Baqarah : 187

Petunjuk dalil bahawa jika i'tikaf sah dilakukan di selain masjid, maka tidak diharamkan

bersetubuh kerana sebab i'tikaf di masjid, kerana ia membatalkan i'tikaf, maka diketahuilah bahawa i'tikaf hanya dilakukan di masjid.

Dan jika ia hanya sah dilakukan di masjid maka ia sah dilakukan di semua masjid, dan tidak diterima pendapat orang yang mengkhususkan masjid tertentu kecuali dengan dalil, dan tidak ada satupun dalil yang sohih yang mengkhususkan tempat i'tikaf.

KESIMPULAN

1. Istilah i'tikaf dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran dengan menyandarkannya dengan berada di dalam masjid.
2. Hadis-hadis sohih juga mengisyaratkan bahawa Rasulullah saw sentiasa beri'tikaf di dalam masjid.
3. Di kalangan para fuqaha' merangkumi imam mazhab yang empat menyatakan bahawa i'tikaf tidak boleh dilaksanakan melainkan di dalam masjid.
4. Kebanyakan fuqaha' besar selain imam mazhab yang empat juga turut menyatakan bahawa i'tikaf hendaklah dilaksanakan di dalam masjid.
5. Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa pandangan syaz dan ganjil di kalangan fuqaha' yang membolehkan i'tikaf dilaksanakan di tempat selain masjid.
6. Adalah sewajarnya bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengkhususkan pelaksanaan i'tikaf hanya di dalam masjid.
7. Di antara rasionalnya ketetapan ini adalah bagi meraikan kemuliaan masjid sebagai semulia-mulia tempat di sisi Allah.
8. Dengan ini akan memberikan makna yang lebih besar dan menyemarakkan kesungguhan umat Islam untuk beri'tikaf dengan lebih focus, kusyu' dan tawadhu' disebabkan mereka diseliputi dengan hukum-hakam dan adab-adab berada di dalam masjid.

PENUTUP

Adalah diharapkan agar Jawatankuasa Fatwa dapat mempertimbangkan untuk kelulusan bagi kertas kerja ini.

Sekian, Terima Kasih.

RUJUKAN

1. Al-Mughniyul Muhtaj, Muhammad Khatib asy-Syarbini.

2. Fathul Muin bi Syarhi Qurratil Ain bi Muhimmatiddin Ahmad bin Abdul Aziz bin Zainuddin bin Ali bin Ahmad Al-Mabari Al-Malibari Al-Hindi
3. Bughyah al-Thullab Li Murid Ma'rifah al-Ahkam Bi al-Sawab, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani
4. Minhajul Tolibin, al-Imam Muhyiddin Abu Zakaria Yahya Bin Syaraf al-Nawawi
5. Bada'l as-Sonai' fi Tartib as-Syarai', Alauddin Abu Bakar Bin Masud al-Kasani al-Hanafi

Disediakan oleh,

KAMAL IZAT BIN AHMED

Pegawai Tadbir Agama

Daerah Taiping

21 Februari 2024